

720 bubu naga dirampas di jeti nelayan

14/10/2023

Tanjong Karang: Semakin tidak terkawal. Itu yang berlaku apabila Jabatan Perikanan Negeri Selangor (JPNS) merampas 720 bubu naga di sekitar jeti nelayan Bagan Tengkorak, di sini, semalam.

JPNS menerusi kenyataannya memaklumkan, semua bubu naga berkenaan dirampas menerusi operasi bersepadu dijalankan bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) bermula jam 6.30 pagi.

"Operasi dijalankan hasil aduan awam dan risikan berterusan anggota penguatkuasa. Bagaimanapun, tiada tangkapan dilakukan sehingga jam 1.30 petang," katanya.

Menurutnya, bubu naga itu dipercayai kerap dipasang pada jarak satu hingga empat batu nautika dari pantai atau daratan berhampiran.

Katanya, bubu naga adalah peralatan menangkap ikan tradisional bergerak yang diletakkan di bawah jenis perangkap tidak dibenarkan JPNS.

Ms: S



ANTARA bubu naga dirampas di sekitar jeti nelayan Bagan Tengkorak.



Kebiasaannya, satu unit boleh menangkap antara 10 hingga 20 kilogram (kg) hasil laut"

Kenyataan JPNS

"Walaupun dikategorikan sebagai bubu namun ia ada spesifikasi unik dikenal pasti iaitu memiliki lebih dua injap bagi setiap unit.

"Ia bercanggah dengan Dasar Pelesenan Jabatan Perikanan yang hanya mensesenkan bubu yang mempunyai tidak lebih daripada dua injap," katanya.

JPNS berkata, semua bubu naga yang dirampas berkenaan dianggarkan bernilai RM46,800.

"Kebiasaannya, satu unit boleh menangkap antara 10 hingga 20 kilogram (kg) hasil laut.

"Spesies hidupan laut yang terperangkap dalam bubu itu termasuk anak ikan

gelama, sotong kurita, ketuka, ketam, udang dan lankak laut," katanya.

JPNS berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 11(3)(b) Akta Perikanan 1985.

"Ia membabitkan kesalahannya tidak membenarkan pemilikan apa-apa peralatan menangkap ikan tanpa lesen.

"Jika sabit kesalahan, ia memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda tidak lebih RM20,000 atau kedua-duanya sekali," katanya.